

# TUAN HAJI JAPRI BIN BUJANG MASLI

*“Terukkan perjuangan membangun modal  
insan cemerlang”*





Japri bin Bujang Masli dilahirkan pada tanggal 7 November 1967. Beliau merupakan alumni UiTM yang pernah menyambung pengajian Diploma Lepasan Ijazah Sains Perpustakaan di ITM Jalan Othman, Petaling Jaya. Beliau bergraduat pada tahun 1993 sebelum memulakan langkah kerjaya yang cemerlang di Sarawak. Bekas pensyarah yang paling beliau ingati adalah Almarhum Dr. Mohd. Sharif Mohd. Saad.





Menjawat jawatan sebagai Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Pustaka Negeri Sarawak bermula November tahun 2022 memberikan cabaran dan semangat baharu buat Japri. Beliau mempunyai pandangan luas dan berimpian memberi perkhidmatan terbaik perputakaan khususnya dalam menyatukan rakyat Sarawak melalui fungsi perpustakaan sebagai hab sosial, maklumat dan ilmu.





Penerima Darjah Yang Amat Mulia Bintang Kenyalang Sarawak Pegawai Bintang Kenyalang (2021) ini memandang tinggi kepada UiTM sebagai sebuah institusi ilmu buat anak warga Sarawak, sementelah pula beliau sendiri berpengalaman menyumbang khidmat bakti sebagai Penolong Pegawai Perpustakaan di ITM, Kampus Semariang pada tahun 1994. Japri berharap UiTM akan senantiasa menjadi hab ilmu dalam perjuangan membangun modal insan yang cemerlang bagi anak bangsa dan negara Malaysia.